



SEMINAR DAN BENGKEL ADAT MENUJU ALAF BARU

1 DIS. 1999 HINGGA 3 DIS. 1999

**Kem Bina-Negara Sepri, Rembau
Negeri Sembilan Darul Khusus**

_____ *Anjuran:* _____

**Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Rembau
Balai Undang Luak Rembau**

_____ *Dengan Kerjasama:* _____

**Pejabat Kebudayaan & Kesenian Negeri Sembilan
Koleksi Negeri Perpustakaan Awam Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus**

Objektif



Mendedahkan dan Memantapkan
Adat Perpatih



Adat Perpatih sebagai
Pengukuh Wawasan 2020



Adat adalah obor generasi muda
dalam menghadapi alaf baru.

Penyertaan

1. Ketua-ketua Adat
(Besar Undang, Lembaga, Buapak dan Besar
Lingkungan).
2. Guru-guru Sejarah.
3. Pengetua dan Guru Besar
Sekolah Menengah dan Rendah
4. Pegawai Kerajaan Negeri dan Persekutuan
di Daerah Rembau.
5. Nazir-nazir Masjid Daerah Rembau.
6. Ketua-ketua Kampung Daerah Rembau.
7. Ahli Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan
Negeri Sembilan.
8. Individu.



**YANG TERAMAT MULIA DATO' LELA MAHARAJA
DATO' HAJI MUHAMAD SHARIP BIN HAJI OTHMAN,
DTNS., PPT., ANS., PJK., PKL
UNDANG LUAK REMBAU**

Sabda Aluan

YTM. Undang Luak Rembau



Bismillahirrahmanirrahim

Kami bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia serta rahmat-Nya, Seminar dan Bengkel Adat Menuju Alaf Baru dapat diadakan. Kami telah lama berhajat untuk mengadakan seminar seumpama ini bagi memberikan pendedahan, keilmuan serta kefahaman tentang sejarah luak Rembau serta perkembangan sistem Adat Perpatihnya. Atas usaha dan inisiatif Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Rembau dengan kerjasama Balai Undang Luak Rembau, maka seminar ini dapat dijayakan pada hari ini.

Keutuhan adat seharusnya diperkembangkan mengikut kesesuaian masa dan keadaan.

Kok buruk diperbaharui
Kok usang diganti
Sekali air bah
Sekali pasir berubah

Melalui seminar ini, Kami berharap anak-anak buah Kami di luak Rembau dan mereka yang berkemampuan dapat berkumpul.

Kok jauh dijemput
Kok dekat dikampungkan
Kok hilang dicari
Kok cicir dipungut
Kok kusut diselesaikan
Kok keruh dijernihkan.

Kok cerdik teman berunding
Kok bodoh disuruh arah
Kok tinggi banir tempat berlindung
Kok besar jangan melanda
Kok cerdik jangan menipu
Malu tak dapat diagih
Suku tak dapat dianjak.

Adat bersaudara saudara dipertahankan
Adat berkampung kampung dipertahankan
Adat bersuku suku dipertahankan.

Hidup sandar menyandar
Bagai aur dengan tebing.

Melakukan sesuatu pula perlulah memikirkan agar tindakan itu
bersesuaian dengan:

Sarak tidak menghalang
Adat tidak menggalang.


Akhirul kalam di sini Kami ingin mengucapkan setinggi--tinggi terima
kasih kepada Jabatan Kebudayaan dan Pelancongan Negeri Sembilan, Ibu
Pejabat Biro Tatanegara dan Cawangan Negeri Sembilan, Jabatan
Pendidikan Negeri Sembilan dan Daerah, Pejabat Daerah Rembau, Ibu Pejabat
Polis Daerah Rembau, para penderma dan semua pihak dan agensi serta
orang perseorangan yang tidak dapat Kami sebutkan satu persatu di sini
atas sumbangan yang diberikan bagi menjayakan seminar yang sangat
bermakna ini. Kepada ahli jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia
Kawasan Rembau serta jawatankuasa Kerja Seminar, Kami mengucapkan
terima kasih serta penghargaan kerana kegigihan usaha kalian menjayakan
seminar dan bengkel ini.

Semua kejayaan adalah berkat daripada kerjasama bak perbilangan:

Bulat air dek pemetong
Bulat kata dek muafakat

Dek kata sepakat, membincang adat dengan pusakanya. Semoga
Allah jualah yang memberkatinya.

Wassalam.



Dato' Lela Maharaja Dato' Haji Muhammad Sharip bin Haji Othman,
DTNS, PPT., ANS., PJK., PKL
Undang Luak Rembau.

Sekapur Sireh


Saya bagi pihak penganjur mengalu-alukan kedatangan peserta ke seminar dan bengkel adat ini. Seminar dan bengkel yang kebetulan diadakan pada akhir abad ini dapat menemukan para ketua adat luak Rembau dengan intelektual Rembau untuk membincangkan sejarah dan adat luak Rembau.

Memandangkan wujudnya berbagai-bagai gejala negatif sosial hari ini, pihak penganjur berpendapat pengajian dan pengamalan semula adat resam kita dapat mengatasi masalah-masalah tersebut. Di samping itu, adalah diharapkan adat ini dapat dijadikan pepandu dalam menghadapi cabaran alaf baru dengan zaman teknologi maklumatnya.

Penganjur juga berharap agar seminar ini akan dapat menghasilkan pemikiran yang bernas untuk disebarkan kepada generasi muda supaya mereka terhindar daripada kehilangan identiti kemelayuannya.

Pihak penganjur terlebih dahulu meminta maaf seandainya ada kekurangan dan ketidakpuashatian para peserta dan pihak-pihak lain yang terlibat.

Akhir sekali saya mengucapkan selamat datang dan selamat berseminar kepada semua peserta.



Profesor Madya Norhalim Hj. Ibrahim
Pengerusi Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Rembau,
Negeri Sembilan.

ATUR CARA MAJLIS PERASMIAN 1 DISEMBER 1999

- 8.00 pagi ✽ Pendaftaran.
- 8.45 pagi ✽ Para peserta mengambil tempat.
- 9.00 pagi ✽ Keberangkatan tiba YTM. Datuk Lela Maharaja Dato' Undang Luak Rembau.
- 9.15 pagi ✽ Bacaan Doa.
- 9.30 pagi ✽ Ucapan Alu-aluan oleh Pengerusi Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Rembau.
- 10.00 pagi ✽ Sabda Perasmian Seminar dan Bengkel Adat Menghadapi Alaf Baru oleh Yang Teramat Mulia Datuk Lela Maharaja Dato' Haji Muhamad Sharip bin Haji Othman.
- ✽ Majlis Penyampaian Cenderamata kepada Yang Teramat Mulia Datuk Lela Maharaja Haji Muhamad Sharip bin Haji Othman Undang Luak Rembau.
- 10.30 pagi ✽ Jamuan.
- ✽ Yang Teramat Mulia Datuk Lela Maharaja Dato' Haji Muhamad Sharip bin Haji Othman Undang Luak Rembau berangkat meninggalkan majlis.

**ATUR CARA SEMINAR DAN BENGKEL ADAT
MENUJU ALAF BARU
1 DISEMBER 1999**

- 8.00 pagi ✳ Majlis Perasmian
- 10.30 pagi ✳ Jamuan ringan
- 11.00 pagi ✳ Kertas Kerja 1
 ADAT DAN KETUANAN MELAYU
 Prof. Dato' Dr. Hj. Kamaruddin Hj. Kachar,
 Naib Canselor Universiti Industri Selangor.
- 12.00 tgh. ✳ Bengkel
- 1.00 tgh. ✳ Makan tengah hari.
- 2.30 ptg. ✳ Kertas Kerja II
 SEJARAH KERAJAAN MELAYU REMBAU
 Prof. Madya Norhalim Hj. Ibrahim
 Jabatan Sains Kemasyarakatan
 dan Pembangunan
- 3.30 ptg. ✳ Bengkel
- 4.30 ptg. ✳ Minum Petang
- 8.30 mlm. ✳ Kertas Kerja III
 KESENIAN TRADISI WARISAN REMBAU:
 Cadangan Pemulihan dan Pengembangan
 En. Othman bin Haji Maamor
 Aktivis Seni Daerah Rembau
 Diiringi dengan Demonstrasi Seni Rembau
- 10.30 mlm. ✳ Minum

**ATUR CARA SEMINAR DAN BENGKEL ADAT
MENUJU ALAF BARU
2 DISEMBER 1999**

- 8.00 pagi ✳ Sarapan.
- 8.30 pagi ✳ Kertas Kerja IV
 ADAT PERPATIH REMBAU
 Prof. Madya Norhalim Hj. Ibrahim
 Pengerusi Persatuan Sejarah Rembau.
- 9.30 pagi ✳ Bengkel.
- 10.30 pagi ✳ Minum.
- 11.00 pagi ✳ Kertas Kerja V
 TANAH PUSAKA ADAT DALAM ALAF BARU
 Prof. Madya Norhalim Hj. Ibrahim
 Penasihat, Jawatankuasa Pemulihan Tanah Adat
 Terbiar, Rembau.
- 12.00 tgh. ✳ Bengkel.
- 1.00 tgh. ✳ Makan tengah hari.
- 2.00 ptg. ✳ Melawat tempat-tempat bersejarah
 daerah Rembau
 a. Kubu/Kota Kuala Pedas
 b. Danau Sisik Emas
 c. Surau Batu
 d. Rumah Datuk Akhir
- 8.30 mlm. ✳ Pertunjukan Kebudayaan

ATUR CARA SEMINAR DAN BENGKEL ADAT MENUJU ALAF BARU 3 DISEMBER 1999

8.00 pagi * Sarapan

8.30 pagi * Kertas Kerja VI
PERANAN ADAT MENGHADAPI ALAF BARU
Prof. Dr. Shamsul Amri Baharuddin
Pengarah Akademi Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia

9.30 pagi * Bengkel

10.30 pagi * Minum

11.00 pagi * Pertandingan Melafaz Perbilangan

12.30 tgh. * Makan Tengah Hari

2.30 ptg. * Rumusan

4.00 mlm. * Majlis Penutup

ATUR CARA MAJLIS PENUTUP

3 DISEMBER 1999

3.45 ptg

✧ **Ketibaan**

Yang Teramat Mulia Dato' Lela Maharaja
Dato' Haji Muhamad Sharip bin Haji Othman
Undang Luak Rembau.

4.00 ptg

✧ **Majlis Penyampaian Hadiah dan Sijil**

Kepada para peserta Seminar dan Bengkel.

✧ **Ucapan Rasmi Penutup**

Yang Teramat Mulia Dato' Lela Maharaja
Dato' Haji Muhamad Sharip bin Haji Othman
Undang Luak Rembau.

✧ **Majlis Penyampaian Cenderamata**

kepada

Yang Teramat Mulia Dato' Lela Maharaja
Dato' Haji Muhamad Sharip bin Haji Othman
Undang Luak Rembau.

✧ **Jamuan.**

✧ **Bersurai.**

JAWATANKUASA INDUK

SEMINAR DAN BENGKEL ADAT MENUJU ALAF BARU

Penaung

Yang Teramat Mulai Dato' Undang Luak Rembau

Penasihat

Pegawai Daerah Rembau
ADUN Chembong

Pengerusi

Prof. Madya Norhalim Hj. Ibrahim

Naib Pengerusi

Abdul Rauf bin Puteh

Setiausaha

Mohamad bin Hj. Amoi

Naib Setiausaha

Norzali Hj. Ibrahim

Bendahari

Dato' Nordin Awal

Ahli Jawatankuasa

Aiani bt. Sudeen

Asiah bte. Jaafar

Hamzah bin Majid

Tok Puteh Hj. Ramli bin Hj. Shamsudin

Datuk Purba Yahya bin Abdul Ghani

Tok Menteri Penghulu Hj. Azahari Hj. Hamzah

AHLI-AHLI JAWATANKUASA KERJA SEMINAR DAN BENGKEL ADAT MENUJU ALAF BARU

Urusetia

Persatuan Sejarah Rembau

Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sembilan

Kewangan	:	Dato' Nordin Awal
Kertas Kerja	:	Prof. Madya Norhalim Hj. Ibrahim
Jemputan	:	Urusetia
Protokol	:	Balai Undang Rembau
Pendaftaran	:	Encik Mohamad Hj. Amoi
Jamuan	:	Urusetia BTN
Penginapan	:	BTN
Pengangkutan	:	Encik Hamzah Majid
Bengkel	:	Encik Norzali Hj. Ibrahim
Adat Istiadat	:	Datuk Purba Yahya Abdul Ghani
Keselamatan	:	Ketua Polis Daerah Rembau Pegawai Kesihatan Rembau
Seranta	:	Urusetia Balai Undang
Rakaman	:	Perpustakaan Negeri Sembilan Persatuan Sejarah Rembau
Percetakan	:	Tok Puteh Hj. Ramli Hj. Shamsudin
Program	:	Puan Aiani Sudeen Puan Asiah Jaafar
Persembahan	:	Encik Othman Hj. Maamor
Juruacara	:	Encik Abd. Ghani Zainuddin

SEKALUNG PENGHARGAAN

Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Seminar dan Bengkel Adat Menuju Alaf Baru merakamkan ucapan dan penghargaan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang memberi sokongan moral dan material.

**YTM. Dato' Lela Maharaja
Dato' Haji Muhamad Sharip bin Haji Othman,
Undang Luak Rembau.**

Profesor Dato' Dr. Haji Kamaruddin Hj. Kachar,
Naib Canselor Universiti Industri Selangor.

Profesor Dr. Shamsul Amri Baharuddin
Pengarah Akademi Alam dan Tamadun Melayu Universiti
Kebangsaan Malaysia.

Encik Othman bin Haji Maamor,
Aktivis Seni Daerah Rembau.

Biro Tata Negara

Encik Saidina Amin

Dato' Abdul Mubin bin Abdullah

Encik Cheok Chuan Huat

Encik Chok Ah Yew

Tok Menteri Penghulu Haji Azahari Hj. Hamzah

Percetakan World Machine Trading, Seremban.

dan semua pihak yang telah menyumbangkan secara langsung atau tidak langsung dalam pengendalian seminar dan bengkel ini.